

1. RK08 – Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Mekanikal)

Objektif program ini adalah bertujuan melahirkan tenaga mahir di peringkat ikhtisas serta mempunyai semangat profesionalisme dan pengetahuan asas yang kukuh dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal. Struktur kurikulum dibentuk agar para graduan mempunyai kebolehan serta kepakaran menganalisa, merekabentuk dan menghasilkan produk serta mampu mengadaptasi perubahan-perubahan sektor pekerjaan yang bakal ditempuhi. Selain daripada kursus teras kejuruteraan, pelajar juga diberikan kemahiran insaniah seperti etika, pengurusan, keusahawanan, komunikasi dan kemahiran berfikir. Selain daripada itu, para pelajar diwajibkan menjalani latihan industri bertujuan melengkapkan mereka dengan pengetahuan teknikal dari industri.

Para graduan mempunyai prospek pekerjaan yang meluas di sektor awam dan swasta iaitu industri pembuatan, pengeluaran, institusi pembangunan dan penyelidikan, jabatan-jabatan kerajaan, badan berkanun dan lain-lain. Antara bidang-bidang yang berkaitan ialah mekanikal, haba, aliran bendalir, pembangunan produk-produk kejuruteraan dan produk pintar (smart products) yang mengintegrasikan pengetahuan elektronik, mikropemproses, dan sistem kawalan.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Mekanikal
- Jurutera Automotif
- Jurutera Kualiti
- Perunding Kejuruteraan Mekanikal
- Jurutera Servis Mekanikal
- Pegawai penyelidikan
- Jurutera Pembuatan
- Jurutera Penyelenggaraan
- Pengurus Kejuruteraan
- Jurutera Jualan Mekanikal
- Jurutera R&D
- Ahli akademik

2. RK24 – Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Mekanikal)

Program ini bertujuan melahirkan tenaga kerja profesional yang mempunyai pengetahuan asas yang kukuh serta mahir dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal. Graduan juga mempunyai semangat profesionalisme yang tinggi. Justeru itu, struktur kurikulum telah dibentuk untuk memberi pelajar kebolehan menganalisa, merekabentuk, mengendali dan menyelenggara peralatan-peralatan elektrik & elektronik, mekanikal, perisian komputer dan teknologi maklumat. Selain daripada kursus teras kejuruteraan, pelajar juga diberikan kemahiran insaniah seperti etika, pengurusan, keusahawanan, komunikasi dan kemahiran berfikir. Selain daripada itu, para pelajar diwajibkan menjalani latihan industri bertujuan melengkapkan mereka dengan pengetahuan teknikal dari industri.

Graduan program ini mempunyai prospek pekerjaan yang luas dalam syarikat-syarikat swasta, industri, jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun. Ia merangkumi bidang-bidang seperti bidang kejuruteraan, pengeluaran, penyelidikan, rekabentuk, analisis, pembangunan, pengujian dan lain-lain bidang yang berkaitan.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Mekanikal
- Jurutera Sistem
- Jurutera Automasi
- Ahli Akademik
- Jurutera Kawalan dan Instrumentasi
- Jurutera R&D
- Jurutera Robotik

3. RK85 – Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan)

Program Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan berperanan untuk menghasilkan jurutera bioperubatan yang mempunyai asas yang kukuh serta berkemampuan tinggi dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, rekabentuk, pembuatan, penyelenggaraan, pemasaran dan pengurusan yang mengkhusus dalam bidang yang berkaitan. Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan merupakan satu bidang ilmu yang menggabungkan ilmu kejuruteraan elektrik, elektronik, mekanikal bahan serta ilmu perubatan seperti anatomi, fisiologi, dan radiologi. Hasil dari kombinasi ilmu tersebut digunakan untuk membangunkan teknologi terkini dalam bidang perubatan.

Bakal graduan program ini akan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi sebagai seorang jurutera bioperubatan yang boleh mengadunkan pengetahuan kejuruteraan elektronik, kejuruteraan mekanikal serta sistem biologi manusia bagi menghasilkan instrumen bioperubatan dan peralatan perubatan yang lain. Selain daripada kursus teras kejuruteraan, pelajar juga diberikan kemahiran insaniah seperti etika, pengurusan, keusahawanan, komunikasi dan kemahiran berfikir. Graduan dari program Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan berpotensi untuk berkhidmat di hospital-hospital, syarikat-syarikat penyelenggaraan peralatan perubatan, institusi penyelidikan dan pembangunan produk perubatan serta industri peralatan elektronik.

Antara peluang kerjaya yang berkaitan :

- Jurutera Bioperubatan
- Pengurus Kejuruteraan
- Jurutera jualan bioperubatan
- Jurutera R&D
- Ahli akademik
- Jurutera Perkhidmatan
- Perunding kejuruteraan bioperubatan
- Jurutera servis bioperubatan
- Pegawai penyelidikan